

MOHD FAHMI ISMAIL

KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) akan terus berusaha bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri Selangor berlandaskan konsep Smart Selangor untuk penambahbaikan pengurusan sisa pepejal di Selangor.

Pengurus Besar KDEBWM, Ramli Mohd Tahir berkata, pihaknya sentiasa bekerja keras bagi meningkatkan perkhidmatan selaras dengan hasrat kerajaan negeri menyelesaikan isu sampah secara keseluruhannya.

Menurutnya, KDEBWM yang juga merupakan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) berbesar hati apabila diberi peluang menunjangi projek perintis pengurusan sampah di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Mulai 1 Julai 2016, KDEBWM telah diberikan mandat oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai *Project Management Company* (PMC) bagi menguruskan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu di MPK sebagai projek perintis (Pilot Project).

KDEBWM telah mula melakukan kerja-kerja pembersihan awam secara berperingkat di MPK mulai 1 Mac lalu.

"Sejak kita diberi tanggungjawab pengurusan sampah di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mula menunjukkan impak yang positif. "Dahulu, kutipan sampah pukal adalah tiga kali seminggu tapi di bawah KDEBWM, sampah pukal dipungut enam kali seminggu.

"Kami sentiasa berusaha meningkatkan kualiti

Penyelesaian lestari isu sampah

KDEBWM komited laksanakan misi kerajaan negeri pastikan pengurusan sisa pepejal melalui kaedah terkini



Kompaktor ini dilengkapi teknologi pintar seperti AVLS serta pengenalan kepada aplikasi pintar I-Clean.

perkhidmatan demi memastikan kawasan perumahan dan persekitaran didiami penduduk bersih daripada biasa," katanya.

Jelas Ramli, pihaknya mendapat kerjasama baik daripada semua terutama PBT dalam menjayakan pengurusan kutipan sisa pepejal ini.

"Kita sentiasa menambah baik kualiti perkhidmatan menguruskan kutipan sampah domestik dan pukal di Klang

supaya permasalahan dalam pentadbiran MPK dapat ditangani segera.

"Selain Klang pihak kami meluaskan operasi di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bermula 1 Mac 2017," katanya.

60 kompaktor ditempatkan seluruh kawasan MPK

Menurut Ramli, dengan kos kira-kira RM20 juta, 60 kompaktor baru buatan Jepun berteknologi tinggi muatan 18 tan telah ditempatkan di seluruh kawasan MPK.

"Seterusnya, KDEBWM juga telah menyerahkan 44 unit lori kompaktor baru dan 20 unit ro-ro baru untuk kawasan Selayang, 46 unit lori kompaktor baru untuk kawasan Ampang Jaya serta 20 unit ro-ro baru untuk kawasan Klang," katanya.

Tambah beliau, selaras dengan inisiatif Smart Selangor, kompaktor ini juga setiap satunya dilengkapi teknologi pintar seperti *Automatic Vehicle Locating System* (AVLS) dan pengenalan kepada aplikasi pintar *I-Clean* Selangor.

Ketiga-tiga teknologi ini akan diakses terus oleh pusat aduan KDEBWM, *Centralised Command Centre* yang dikendalikan oleh pegawai khidmat pelanggan

bermula daripada jam 9 pagi hingga 5 petang di hari bekerja.

"Pemberian lori kompaktor baru yang dilengkapi sistem pemantauan AVLS, kamera undur dan CCTV kepada sub kontraktor secara kaedah sewa beli.

"Penggunaan lori kompaktor baru juga bagi setiap zon dengan kaedah Satu Lori Satu Zon bagi menambah kecekapan pengurusan kutipan sisa pepejal.

"Selain itu, *Centralised Command Centre* (CCC) yang berperanan sebagai pusat kawalan operasi kutipan dalam menerima aduan, pemantauan penyelia kawasan dan kontraktor kutipan.

"Jika terdapat aduan penduduk berkenaan sampah tidak dikutip, kita dapat lihat secara langsung di mana kedudukan kompaktor tersebut dan

kami boleh respon terus kepada pengadu.

"Jika berlaku sesuatu permasalahan kepada kompaktor seperti kerosakan dan sebagainya, penyelia kawasan akan mengenal pasti permasalahan dan melaporkan kepada *Command Centre* untuk muktaman dan tindakan seterusnya.

Command Centre boleh dihubungi menerusi talian 019-274 2824 (WhatsApp), 019-375 9592, 019-375 3980 (talian panggilan aduan) dan menerusi e-mel di iclean@kdebwm.com.

Aduan juga boleh disalurkan menerusi Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS) SUK Selangor di 1-800-88-2824.

Salur aduan menerusi aplikasi I-Clean

AMPANG - Penduduk sekitar Ampang Jaya kini boleh menyalurkan aduan berhubung kutipan sampah melalui aplikasi *I-Clean* yang dimuat turun melalui *android* atau *iOS* dalam telefon pintar.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abdul Hamid Hussain berkata, lokasi aduan kemudian akan dikesan sistem secara automatik sebelum diproses Pusat Arah Bersepadu KDEB Waste.

"Selepas mendaftar pengguna hanya perlu menganbil gambar sampah yang tidak dikutip kemudian tekan butang hantar dan aduan itu akan disalurkan kepada

Penyelia Kawasan KDEB Waste yang terlibat.

"Pengguna boleh menyemak status aduan dalam tempoh masa 24 jam sama ada ia telah diselesaikan atau sebaliknya melalui aplikasi ini," katanya.

Menurutnya, aplikasi *I-Clean* berkenaan sudah digunakan warga Klang apabila KDEB Waste dilantik sebagai *Project Management Company* bagi menguruskan sampah domestik di bandar berkenaan pada 1 Julai tahun lalu.

"MPAJ merupakan PBT kedua yang dipilih bersama-sama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bagi mendapatkan perkhidmatan KDEB Waste," katanya.



RAMLI